



Anak penyu yang baharu menetas.



Pengarah Jabatan Perikanan Terengganu, Zawawi Ali (depan; tiga, kanan) melepaskan anak penyu ke pantai di Rantau Abang, Dungun sebagai usaha pemuliharaan berterusan penyu.

Sinar Harian 21/11/2018 m/s 22

TCS berjuang demi penyu

NGO lancarkan pelbagai program beri kesedaran kepada generasi muda

KEMAMAN

Menyedari peranan penting masyarakat dalam pemuliharaan penyu yang di ambang kepupusan, Persatuan Pemuliharaan Tuntung, Kura-Kura dan Penyu Malaysia (TCS) melaksanakan program kesedaran di sekolah.

Pengasas bersama TCS, Dr Chen Pelf Nyok berkata, program kesedaran ditumpukan di sekolah untuk mendidik generasi muda agar bukan sahaja menyayangi penyu bahkan tuntung sungai yang juga diancam kepupusan.

Katanya, pendekatan itu diambil kerana hasil program kesedaran yang diadakan mendapati agak sukar untuk mengubah pemikiran orang dewasa.

"Disebabkan sukar ubah pemikiran orang dewasa, TCS corakkan generasi muda bermula dari bangku sekolah menerusi program kesedaran.

"Program kesedaran mengenai penyu dan tuntung sungai telah dijalankan sejak

2011 dan sehingga sekarang sebanyak 74 sesi kita laksanakan di Kemaman.

"Sekolah yang menjadi tumpuan kita adalah sekolah yang berdekatan pantai tempat penyu bertelur dan berhampiran sungai yang menjadi tempat pendaratan tuntung sungai," katanya.

Kaji selidik kesedaran penyu

Katanya, program kesedaran selama tiga jam itu padat dengan pelbagai pengisian iaitu sesi taklimat yang menerangkan mengenai penyu dan tuntung sungai serta permainan berunsur pendidikan.

Tambah Pelf Nyok, bagi mengetahui tahap keberkesanan program, pihaknya turut membuat soal selidik dengan mengedarkan senarai 10 soalan tentang penyu serta tuntung di awal program sebelum edarkan soalan sama di akhir program.

"Keputusan soal selidik mendapati program kesedaran berjaya meningkatkan pengetahuan dan keprihatinan pelajar tentang penyu dan tuntung sungai ini.

"Pada awal program didapati penge-

tahuan am pelajar mengenai masalah kepupusan penyu dan tuntung laut dilihat agak kurang namun selepas tamat program, pengetahuan mereka bertambah," katanya.

Kempen beri impak positif

Mengulas lanjut katanya, pada program itu juga pelajar didedahkan dengan kesan buruk jika memakan telur penyu dan tuntung sungai.

Kesan daripada program kesedaran yang dibuat itu, Pelf Nyok memberitahu, dia terkejut apabila didatangi seorang pelajar ketika sedang membeli-belah di sebuah pasar raya di Chukai dan pelajar itu memberitahu yang dia sudah tidak memakan telur tuntung.

Program itu dijalankan TCS di Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Geliga, SK Seri Iman, SK Chukai, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Chukai, SK Pasir Gajah, SK Seberang Tayor, SK RKT Seberang Tayor dan SK Binjai.

Setiap program melibatkan penyertaan seramai 50 pelajar yang terpilih.

Mahu ubah persepsi awam

Bagi memberi kesedaran kepada masyarakat umumnya, TCS juga melaksanakan program kesedaran awam di kawasan tumpuan ramai iaitu di pusat membeli-belah dan kawasan peranginan.

Pelf Nyok berkata, sehingga sekarang TCS telah banyak dijemput mengadakan pameran dan menjual cenderahati di merata tempat termasuk di pusat beli-belah di ibu negara dan di Port Dickson.

Ujarnya, program kesedaran di pusat beli-belah lazimnya melibatkan banyak badan bukan kerajaan (NGO) lain membolehkan pihaknya mendedahkan kepentingan pemuliharaan penyu dan tuntung kepada semua lapisan masyarakat.

"Sekiranya ada pameran di luar saya turut dibantu sukarelawan terdiri daripada penuntut universiti awam dan swasta.

"Mereka mengedar risalah tentang penyu dan tuntung serta menerangkan tentang tanggungjawab untuk bersama-sama menyokong pemuliharaan penyu dan tuntung," katanya.

Menurutnya, TCS juga menjual cenderahati yang bersifat untuk mendidik dan hasil jualan dimasukkan ke tabung TCS untuk menampung kos program kesedaran yang diadakan di sekolah.



Kegiatan kesedaran penyu di luar bilik darjah mendedahkan realiti masalah kepupusan penyu kepada pelajar SK Seberang Tayor.



Sukarelawan TCS memberi taklimat mengenai penyu dan tuntung kepada pelajar SK Seberang Tayor pada Kem Penyu yang diadakan di Pusat Pemuliharaan Penyu Geliga, Pantai Teluk Mak Nik, 28 Ogos lalu.